

**KATA-KATA ALUAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI MAJLIS CONSULTATION BAJET 2005- SESI KETIGA**  
**DI KEMENTERIAN KEWANGAN, PUTRAJAYA**  
**10 MEI 2005**

-----

YANG BERTHORMAT MENTERI KEWANGAN II

YANG BERTHORMAT DATO' MUSTAPA MOHAMAD

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

1. PADA HARI KHAMIS DAN JUMAAT YANG LEPAS, SAYA TELAH MEMPENGERUSIKAN MAJLIS CONSULTATION BAJET 2005 SESI I DAN II. SAYA TELAH MENGUBAH FORMAT MAJLIS PERTEMUAN KALI INI DARIPADA DIALOG BAJET KEPADA MAJLIS BUDGET CONSULTATION DENGAN HARAPAN KITA DAPAT BERINTERAKSI DENGAN LEBIH DAN DENGAN ITU PERTEMUAN KITA AKAN LEBIH BERMAKNA.

**SESI I DAN SESI II**

2. DALAM SESI PERTAMA, PELBAGAI ISU YANG MENYENTUH PERKARA DASAR DAN PERSPEKTIF EKONOMI MAKRO TELAH DIBINCANGKAN. MANAKALA, SESI KEDUA MEMBINCANGKAN ISU-ISU BERKAITAN PEMBANGUNAN PELBAGAI SEKTOR DALAM EKONOMI, TERMASUK PERTANIAN, PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN.

3. DARI KEDUA-DUA SESI BERKENAAN, PROSES INTERAKTIF BEGITU BAIK DAN BANYAK INPUT YANG TELAH DITERIMA DARI PARA PEMBENTANG. KOMEN-KOMEN PESERTA-PESERTA LAIN DAN JUGA PIHAK KERAJAAN JUGA AMAT BAIK DAN BERGUNA. SAYA BERHARAP SESI PADA HARI INI TIDAK AKAN KURANG RANCAKNYA.

**SESI III**

4. SESI KETIGA PADA HARI INI ADALAH KHUSUS UNTUK MEMBINCANGKAN ASPEK SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN DENGAN MATLAMAT UTAMA UNTUK "MEMBENTUK MASYARAKAT YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN PRIHATIN".

5. MASYARAKAT YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN PRIHATIN TIDAK TERBENTUK DENGAN SENDIRINYA. SEBALIKNYA, NILAI-NILAI MURNI DAN SIKAP BERTANGGUNGJAWAB PERLU DITANAM DAN DIPUPUK DALAM SETIAP JIWA INDIVIDU SECARA BERTERUSAN. IANYA SATU PROSES DAN PENDEKATAN YANG

PERLU DILAKSANAKAN SECARA KOLEKTIF ANTARA SEMUA PIHAK. IA MERUPAKAN MODAL SOSIAL (“SOCIAL CAPITAL”) YANG AKAN MENYUMBANG SECARA KUALITATIF KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA.

### **N.E.P., N.D.P. DAN N.V.P.**

6. SEJAK MERDEKA, NEGARA TELAH MELALUI PELBAGAI CABARAN YANG MENGGUGAT KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA. PERISTIWA 13 MEI, MEMALI, K.M.M. DAN PELBAGAI LAGI MENGUJI KETAHANAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI NEGARA INI. ALHAMDULILLAH, PERISTIWA SEDIH MEMBERI PENGAJARAN DAN KINI MALAYSIA MENJADI CONTOH SEBAGAI NEGARA YANG DAPAT DIBANGUNKAN DENGAN MEMBERI KEPUASAN KEPADA HAMPIR SEMUA PIHAK. NAMUN SAYA AKUI MASIH TERDAPAT GOLONGAN YANG MUNGKIN KETINGGALAN ATAU TERLEPAS PANDANG. JUSTERU, PERTEMUAN HARI INI ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA TERSEBUT.

7. KITA BERBANGGA DASAR EKONOMI BARU (DEB) 1971-1990 DAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN) 1991-2000 TELAH MENCAPI HAMPIR KESEMUA MATLAMATNYA. TIDAK SIAPA DAPAT MENAFIKAN BAHAWA PROGRAM MEMBASMI KEMISKINAN TANPA MENGIRA KAUM DAN PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT DI BAWAH D.E.B. DAN D.P.N. TELAH BERJALAN DENGAN BAIK. DASAR WAWASAN NEGARA (2001-2010) PULA AKAN MENERUSKAN AGENDA NASIONAL SEHINGGALAH TERCAPI NYA MATLAMAT WAWASAN 2020.

8. SEBENARNYA, MATLAMAT AKHIR KITA ADALAH UNTUK MEMBENTUK SEBUAH MASYARAKAT YANG BERSATU PADU DAN MAKMUR SERTA SEJAHTERA. PEMBANGUNAN EKONOMI ADALAH ALAT (“MEANS”) UNTUK MENCAPI MATLAMAT TERSEBUT DAN KUALITI HIDUP RAKYAT MENJADI PENGUKURNYA.

### **KUALITI HIDUP RAKYAT**

9. MENGIKUT LAPORAN KUALITI HIDUP MALAYSIA DALAM TEMPOH DUA DEKAD IAITU DARIPADA TAHUN 1980 SEHINGGA TAHUN 2000, INDEKS KUALITI HIDUP RAKYAT MALAYSIA TELAH MENINGKAT SEBANYAK 22.4 PUNTA. PENINGKATAN INI TELAH DICATATKAN DALAM HAMPIR KESEMUA 11 BIDANG KEHIDUPAN YANG DIUKUR, TERMASUK:

- I. PENDAPATAN DAN PENGAGIHAN, PERUMAHAN, KESIHATAN, PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI, PENDIDIKAN, KEHIDUPAN KELUARGA SERTA PERSEKITARAN KERJA;
- II. HANYA DUA BIDANG YANG MENGALAMI PENURUNAN IAITU TAHAP KESELAMATAN AWAM DAN KUALITI ALAM SEKITAR; DAN
- III. PENINGKATAN DALAM KUALITI HIDUP INI DICATATKAN BUKAN SAHAJA DI BANDAR TETAPI JUGA DI LUAR BANDAR.

## **MEMBASMI KEMISKINAN**

10. PROGRAM MEMBASMI KEMISKINAN YANG TELAH DILAKSANAKAN KERAJAAN SECARA TEKUN DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH TELAH MENGURANGKAN INSIDEN KEMISKINAN DENGAN KETARA:

- I. MALAYSIA TELAH MENJADI CONTOH BANYAK NEGARA KERANA TELAH MEREKODKAN KEJAYAAN ANTARA YANG TERBAIK DI DUNIA;
- II. USAHA MEMBASMI KEMISKINAN TERUTAMA KEMISKINAN TEGAR AKAN DIPERHEBATKAN. WALAUPUN HANYA SATU PERATUS DARIPADA ISI RUMAH TERGOLONG DALAM KEMISKINAN TEGAR, NAMUN KITA TIDAK MAHU MELIHAT ADA LAGI RAKYAT NEGARA INI YANG HIDUP DALAM KEDAIFAN DAN MELARAT DI BUMI YANG MEWAH INI; DAN
- III. KERAJAAN INGIN MELIHAT KEMAKMURAN NEGARA DIKECAPI BERSAMA OLEH SEMUA GOLONGAN MASYARAKAT, TERMASUK GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA DAN CACAT ANGGOTA SERTA WARGA EMAS.

11. KERAJAAN JUGA SEDAR BAHAWA PROSES MEMAHAMI, MENGENALPASTI SEBAB, DAN MENGATASI MASALAH KEMISKINAN ADALAH JAUH LEBIH KOMPLEKS DAN RUMIT BERBANDING DAHULU. IA MEMERLUKAN PEMIKIRAN, ANALISIS DAN PENDEKATAN YANG LEBIH CANGGIH.

12. JUSTERU ITU, KERAJAAN KINI SEDANG MENGAJI SEMULA KONSEP DAN DEFINISI KEMISKINAN SECARA MENYELURUH IAITU DENGAN MENGAMBILKIRA ELEMEN SEPERTI KOS KEHIDUPAN DI SESUATU KAWASAN SERTA BILANGAN ANGGOTA KELUARGA. INI PENTING UNTUK MENDAPAT GAMBARAN LEBIH TEPAT TENTANG MASALAH KEMISKINAN DI NEGERI-NEGERI DAN DAERAH-DAERAH YANG BERLAINAN, SERTA MENGENALPASTI GOLONGAN-GOLONGAN SASAR YANG PATUT MENERIMA BANTUAN. DENGAN MAKLUMAT YANG LEBIH TERPERINCI, SATU PENDEKATAN PEMBASMIAN KEMISKINAN YANG DISASARKAN ("TARGETED") SECARA LEBIH TEPAT DAN BERKESAN DAPAT DIJALANKAN.

13. SAYA BERHARAP SEMUA PIHAK, TERUTAMA SEKTOR SWASTA, DAPAT MEMBERI KERJASAMA MEREKA SEPENUHNYA UNTUK MEMBANTU KERAJAAN MEREALISASIKAN HASRAT UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA.

## **PENERAPAN BUDAYA URUS TADBIR BERHEMAH DAN INTEGRITI**

14. KERAJAAN JUGA KOMITED UNTUK MEWUJUDKAN MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERMARUAH TINGGI DAN BERETIKA, MENGAMALKAN URUS TADBIR BERHEMAH ("GOOD GOVERNANCE") SERTA BERINTEGRITI. BARU-BARU INI, SAYA TELAH MELANCARKAN PELAN INTEGRITI NASIONAL ATAU P.I.N. DAN MENUBUHKAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA ATAU I.I.M..

15. SAYA BERHARAP, PROGRAM YANG DILAKSANAKAN DI BAWAH P.I.N. AKAN MENYUMBANG KE ARAH :-

- I. MENGURANGKAN GEJALA RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA SECARA BERKESAN;
- II. MENINGKATKAN KECEKAPAN DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM;
- III. MENGATASI KARENAH BIROKRASI;
- IV. MENINGKATKAN URUS TADBIR KORPORAT DAN ETIKA PERNIAGAAN;
- V. MEMANTAPKAN INSTITUSI KELUARGA; DAN
- VI. MENINGKATKAN KUALITI HIDUP DAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT.

16. SAYA YAKIN SEKTOR SOSIAL DAPAT MERAH FAEDAH DARIPADA PROGAM-PROGRAM YANG BAKAL DILAKSANAKAN DI BAWAH P.I.N.. PROGRAM-PROGRAM YANG MENEKANKAN PENERAPKAN NILAI-NILAI MURNI DI KALANGAN MASYARAKAT ADALAH PENTING UNTUK MELAHIRKAN MASYARAKAT YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN PRIHATIN. MANAKALA, PROGRAM-PROGRAM YANG BERTUJUAN MENGURANGKAN KARENAH BIROKRASI DAN MEMANTAPKAN LAGI KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM DAPAT MEMASTIKAN SUPAYA RAKYAT MISKIN, KURANG UPAYA DAN YANG PATUT MENERIMA BANTUAN KERAJAAN, DAPAT MENERIMA BANTUAN TERSEBUT DALAM MASA YANG TERPANTAS, SUPAYA BEBAN DAN KEPERITAN MEREKA DAPAT DIKURANGKAN.

#### **SUMBANGAN BADAN BUKAN KERAJAAN**

17. SAYA AMAT MENGALU-ALUKAN SUMBANGAN BADAN BUKAN KERAJAAN ATAU LEBIH DIKENALI SEBAGAI N.G.O.. SAYA MENGANGGAP N.G.O. ADALAH SEPERTI "MATA DAN TELINGA" KERAJAAN. N.G.O. BERFUNGSI SEBAGAI "CHECK AND BALANCE" UNTUK MEMAKLUMKAN KEPADA KERAJAAN "WITHOUT FEAR OR FAVOUR" TENTANG KEKURANGAN-KEKURANGAN YANG ADA DALAM SISTEM PENTADBIRAN SERTA MEMBANTU MEMPASTIKAN PROGRAM KERAJAAN DISAMPAI DAN DILAKSANAKAN DENGAN BERKESAN.

18. DENGAN ITU, KERAJAAN YANG SAYA PIMPIN INI AKAN TERUS SEDIA MENDENGAR PANDANGAN DAN KRITIKAN KONSTRUKTIF SERTA SEDIA MENERIMA CADANGAN-CADANGAN YANG WAJAR DEMI MEMPERBAIKI LAGI MUTU DAN KEBERKESANAN PROGRAM-PROGRAM SOSIAL SERTA PERJALANAN PENTADBIRAN KERAJAAN SECARA AMNYA.

19. SAYA JUGA BERHARAP AGAR N.G.O. BERPERANAN UNTUK MEWUJUDKAN SIKAP POSITIF DI KALANGAN AHLI-AHLINYA SUPAYA PANDANGAN NEGARA LUAR TERHADAP IMEJ NEGARA KITA MALAYSIA MENJADI LEBIH SEIMBANG, MELIHAT KELEBIHAN KITA SEBAGAI KEKUATAN UNTUK DICONTOHI DAN MELIHAT KEKURANGAN KITA SEBAGAI KELEMAHAN YANG AKAN DITANGANI DAN DIPERBAIKI BERSAMA-SAMA.

## **PENUTUP**

20. SAYA BERDOA AGAR DI SATU MASA YANG TERDEKAT NANTI KITA AKAN DAPAT MENCAPAI MATLAMAT KITA UNTUK MEWUJUDKAN:

- I. SATU "MASYARAKAT YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN PRIHATIN" DI MANA SETIAP INDIVIDU MEMPUNYAI RASA TANGGUNGJAWAB KEPADA DIRI SENDIRI, KEPADA KELUARGA, KEPADA MASYARAKAT DAN KEPADA NEGARA;
- II. GOLONGAN REMAJA YANG MEMPUNYAI JATI DIRI, PENUH DENGAN SEMANGAT PATRIOTIK CINTAKAN NEGARA, BANGSA DAN AGAMA; DAN
- III. INDIVIDU YANG MEMPUNYAI "HATI YANG HIDUP" YANG DAPAT MENJADI BENTENG SEMULAJADI MENCEGAH SEGALA BENTUK KEJELEKAN DAN KEJAHATAN.

## **PENGHARGAAN DAN PEMBENTANGAN**

21. AKHIR KATA, SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SEKALI LAGI BERBANYAK TERIMA KASIH KEPADA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG TELAH MENGHANTAR MEMORANDUM UNTUK PERTIMBANGAN KERAJAAN.

22. DI MAJLIS CONSULTATION INI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DIBERI KESEMPATAN UNTUK MENGEMUKAKAN PANDANGAN DAN CADANGAN UNTUK MENANGANI PERMASALAHAN SOSIAL YANG SEDANG KITA HADAPI. SETIAP PEMBENTANG DIBERI MASA 10 MINIT SUPAYA LEBIH RAMAI YANG DAPAT MENGEMUKAKAN PANDANGAN.

23. UNTUK MEMULAKAN SESI PADA PAGI INI, SUKACITA SAYA MENJEMPUT ENCIK ONG SEE LIAM UNTUK MENGEMUKAKAN PANDANGAN. DIPERSILAKAN.